

Pesaka Datuk Kelana bukan milik Orang Asli

SEREMBAN, Selasa — Pesaka Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) adalah warisan Bendahara Melaka melalui Johor (Bendahara Skudal) dan bukannya milik Orang Asli.

Ini digariskan dalam Terombo Asal Luak Sungai Ujong, yang menjadi asas pemilihan Datuk Kelana sejak zaman berzaman dahulu, demikian menurut sumber-sumber tertinggi adat hari ini.

Sebaliknya, Jurai Telaga Undang menggariskan bahawa pesaka Datuk Kelana adalah milik Orang Asli. Inilah faktor utama yang menyebabkan isi kandungan Jurai itu bercanggah dengan isi kandungan Terombo Asal Luak Sungai Ujong.

"Ini menyebabkan pihak berkuasa, khususnya Dewan Keadilan dan Undang Negeri serta Kerajaan Negeri Sembilan tidak mengiktiraf Jurai itu dalam urusan pemilihan Datuk Kelana.

"Tetapi malangnya, ada setengah ketua adat Luak ini cuba mempertahankan bahawa isi kandungan Jurai itu adalah sah. Inilah persoalan yang perlu dihalusi oleh pihak

Oleh BUSTAMAM AHMAD

berkuasa sekarang dalam usaha menamatkan krisis perantikan Datuk Kelana ke-10," kata sumber-sumber itu kepada *Berita Harian* di sini.

Anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Bayu atau Telaga Undang dipercayai tetap mempertahankan bahawa Jurai itu adalah sah manakala anak-anak Waris Rumpun Tinggang pula mahu Terombol Asal Luak Sungai Ujong digunakan sebagai asas pemilihan Datuk Kelana ke-10.

Berita Harian difahamkan bahawa anak-anak Waris Rumpun Tinggang sudah mengemukakan bantahan secara rasmi kepada dewan, yang sedang menjalankan kajian lanjut mengenai kesahihan isi kandungan Jurai itu.

"Pemilihan Undang hendaklah dijalankan secara adil dan saksama tanpa sebarang bantahan daripada mana-mana pihak termasuk anak-anak Waris sendiri. Itulah sebabnya dewan mengambil masa yang agak lama untuk merumuskan jalan penyele-

saan yang dapat diterima oleh semua pihak.

"Urusan pemilihan Datuk Kelana sudah pasti akan terjejas jika ada kumpulan anak-anak Waris yang terus-menerus membuat bantahan," kata sumber-sumber itu.

Sumber-sumber itu menjelaskan, Bendahara Skudal adalah menjadi 'tunggak pemerintahan' di Luak Sungai Ujong dan carta pentadbirannya meliputi Mohd Tambu, Tok Musang, Datuk Andika Mendelika dan Tok Jebat.

Mohd Tambu berasal dari keturunan Bendahara Melaka dan Bugis menerusi Johor (Bendahara Skudal). Ketika itu, pentadbiran Luak Sungai Ujong meliputi Semenyih dan Klang.

Keturunan Mohd Tambu mewarisi pesaka Datuk Kelana dan Datuk Shahbandar menerusi empat anak lelakinya, iaitu Penghulu Jentik, Musang (bukan Tok Musang), Kadim dan Mahbut.

Datuk Andika Mendelika adalah berketurunan Orang Asli dan beliau memegang taraju pemerintahan di Luak Sungai Ujong sebelum keahdiran Mohd Tambu.